



PEKELILING PERKHIDMATAN UMT BILANGAN 1 TAHUN 2018

BAYARAN KHAS TAHUN 2017

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk memberi Bayaran Khas Tahun 2017 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang dikeluarkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2017 yang mana pelaksanaannya diterima pakai di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dengan beberapa pindaan yang berkaitan.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah memutuskan supaya Bayaran Khas Tahun 2017 sebanyak RM1,000.00 dan Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 sebanyak RM500.00 diberi kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di atas keperihatinan Kerajaan menghargai kesetiaan penjawat awam dalam mendokong kemajuan negara serta melaksanakan sistem penyampaian perkhidmatan dengan cekap dan berkesan kepada rakyat.

3. Kerajaan juga bersetuju memberi Bayaran Khas Tahun 2017 sebanyak RM500.00 dan Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 sebanyak RM250.00 kepada pesara Kerajaan yang menerima pencen.

4. Pekeliling Perkhidmatan ini adalah bagi maksud menjelaskan mengenai kaedah pelaksanaan Bayaran Khas Tahun 2017 dan Pekeliling Perkhidmatan yang berasingan akan menjelaskan mengenai kaedah pelaksanaan Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018.

PELAKSANAAN

5. Bayaran Khas Tahun 2017 sebanyak RM1,000.00 diberi kepada semua pegawai tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 90 hari berturut-turut pada tahun 2017.
6. Tempoh 90 hari berturut-turut adalah termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, semua jenis cuti separuh gaji, semua jenis cuti tanpa gaji, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am sepanjang tahun 2017.

PEGAWAI YANG LAYAK

7. Tertakluk kepada perenggan 5 dan 6 di atas, pegawai yang layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017 adalah seperti berikut:
 - 7.1 pegawai lantikan tetap, sementara dan *contract of service*¹;
 - 7.2 pegawai yang bercuti bergaji penuh;
 - 7.3 pegawai yang bercuti separuh gaji;
 - 7.4 pegawai yang bercuti tanpa gaji; dan
 - 7.5 pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya.
8. Bayaran Khas Tahun 2017 ini juga dipanjangkan kepada pemandu yang dilantik sendiri oleh pegawai Gred Jawatan Utama B dan ke atas, serta Gred Khas A dan ke atas yang layak pemandu tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatannya; dan

¹ Bagi pegawai di bawah *contract for service*, surat edaran berasingan akan dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.

PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK

9. Pegawai yang tidak layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017 adalah:
 - 9.1 pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib dalam tahun 2017;
 - 9.2 pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tahun 2017; dan
 - 9.3 pegawai yang meletak jawatan dalam tahun 2017.

PEGAWAI YANG DITANGGUHKAN BAYARAN KHAS

10. Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib ditangguhkan Bayaran Khas Tahun 2017 ini. Pegawai hanya layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017 sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah.

PESARA

11. Bayaran Khas Tahun 2017 kepada pesara yang menerima pensen dan penerima pensen terbitan di bawah undang-undang pensen akan dibayar sebanyak RM500.00 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

12. Pegawai yang bersara dalam tahun 2017 layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017 sebanyak RM1,000.00 dengan syarat pegawai telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 90 hari berturut-turut. Pembayaran sebanyak RM500.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM500.00 akan dibayar oleh UMT.

13. Pesara yang dilantik semula secara *contract of service* dalam tahun 2017 layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017 sebanyak RM1,000.00 dengan syarat pegawai telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 90 hari berturut-turut. Pembayaran sebanyak RM500.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM500.00 akan dibayar oleh UMT.

14. Tempoh 90 hari berturut-turut yang dimaksudkan adalah termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, semua jenis cuti separuh gaji, semua jenis cuti tanpa gaji, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am sepanjang tahun 2017.

PEGAWAI MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN

15. Pegawai yang meninggal dunia dalam tahun 2017 layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017 sebanyak RM1,000.00 dengan syarat pegawai telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 90 hari berturut-turut.

16. Pembayaran kepada mana-mana penerima pensyen terbitan yang layak di bawah undang-undang pensyen sebanyak RM500.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM500.00 akan dibayar oleh UMT.

17. Tempoh 90 hari berturut-turut yang dimaksudkan adalah termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, semua jenis cuti separuh gaji, semua jenis cuti tanpa gaji, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am sepanjang tahun 2017.

TARIKH PEMBAYARAN

18. Bayaran Khas Tahun 2017 ini akan dibayar pada **8 Januari 2018**.

TANGGUNGJAWAB PEMBAYARAN

19. Bagi pegawai yang berada dalam perkhidmatan, pembayaran Bayaran Khas Tahun 2017 ini adalah tanggungan UMT, manakala bagi pesara, pembayaran tersebut adalah tanggungan Jabatan Perkhidmatan Awam.

TARIKH KUAT KUASA

20. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan iaitu pada 13 Disember 2017.